



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/2019
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Tegahan Penglibatan Dengan Industri Tembakau dan Larangan Merokok
di Premis-Premis Kerajaan**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini dimaklumkan satu peraturan *code of conduct* mengenai tegahan penglibatan dengan industri tembakau dan larangan merokok di premis-premis kerajaan seperti berikut:

1. Pengenalan

- 1.1 Negara Brunei Darussalam telah meratifikasi *World Health Organisation Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) pada 3 Jun 2004. Di bawah Artikel 5.3 WHO FCTC, negara-negara ahli adalah dikehendaki untuk melindungi penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar kesihatan awam yang berkaitan dengan kawalan tembakau dari kepentingan komersial dan mutlak industri tembakau (*commercial and other vested interests of the tobacco industry*) menurut undang-undang dalam negeri.
- 1.2 Surat Keliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua pegawai dan kakitangan Kerajaan termasuk mereka yang ditempatkan bertugas di luar negara, tidak dibolehkan membuat sebarang interaksi dengan industri tembakau.

2. Tafsiran

- 2.1 “**Industri tembakau**” bermaksud mana-mana organisasi, entiti, persatuan dan individu yang bekerja untuk atau bagi pihak industri tembakau, seperti, tetapi tidak terhad kepada, pengilang, pengedar borong, pengimpor, peniaga runcit, “*front groups*” dan mana-mana individu atau organisasi lain yang ada hubungkait dengan industri tembakau, termasuk tetapi tidak terhad kepada, peguam, ahli sains dan pelobi (*lobbyist*) yang bekerja untuk memajukan atau memelihara kepentingan industri tembakau.
- 2.2 “**Gangguan dan campur tangan industri tembakau**” merujuk kepada pelbagai taktik dan strategi yang digunakan oleh industri tembakau untuk mengganggu dan bercampur tangan dalam penggubalan dan pelaksanaan langkah-langkah kawalan tembakau negara.



- 2 -

- 2.3 Di bawah Perintah Tembakau 2005, “**premis Kerajaan**” ditafsirkan sebagai sesebuah bangunan, khemah atau struktur lain samada kekal atau pun selainnya, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berhubung dengannya, yang dimiliki atau diduduki oleh Kerajaan atau mana-mana badan berkanun, dan juga termasuk sesebuah kenderaan.

3. **Pengenaan (Application)**

- 3.1 Peraturan ini adalah dikuatkuasakan ke atas semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 3.2 Bagi agensi atau syarikat berkaitan dengan Kerajaan, badan-badan berkanun dan institusi-institusi pengajian tinggi, adalah disarankan untuk merujuk kepada peraturan ini mengikut kesesuaianya.

4. **Tegahan Interaksi dan Penglibatan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dalam Aktiviti Industri Tembakau**

Agensi Kerajaan serta pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah ditegah daripada berinteraksi dengan industri tembakau kecuali apabila diperlukan bagi pengawalan dan penyeliaan industri berkenaan sahaja, yang mana hendaklah dilaksanakan dengan telus bagi mengelakkan sebarang tanggapan negatif dan percanggahan kepentingan (“*conflict of interest*”). Antara tegahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- 4.1 Ditegah dari **memberikan layanan istimewa kepada industri tembakau**, termasuk memberikan sebarang insentif, keistimewaan, keuntungan atau pengecualian, memberikan sokongan atau dorongan, membentuk kerjasama (*partnership*), menggalakkan pelaburan, menjadi wakil atau lain-lain aktiviti yang berkaitan dalam industri tembakau.
- 4.2 Ditegah dari **menerima sebarang pemberian dari industri tembakau** termasuk hadiah, derma, tajaan, pinjaman, keistimewaan, bantuan dan perkara-perkara lain yang mempunyai nilai kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung di sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan, selaras dengan Bab 8 Perintah Tembakau 2005.
- 4.3 Ditegah dari **menerima sebarang pembiayaan dari industri tembakau**, sama ada dari segi kewangan, kepakaran atau pun bantuan teknikal bagi projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan termasuk yang melibatkan pengawalan tembakau, pendidikan dan kesedaran awam atau yang bertujuan untuk mempertingkatkan kesihatan masyarakat dan lain-lain walaupun atas dasar tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*) sama ada secara langsung atau tidak langsung.



- 3 -

- 4.4 Ditegah dari menghadiri atau menyokong sebarang majlis atau acara berprofil tinggi di mana industri tembakau adalah merupakan penaja atau penganjur atau/dan yang bertujuan untuk mempromosi produk tembakau atau industri tembakau.
- 4.5 Ditegah dari terlibat dalam mempromosikan atau mengiklankan sebarang produk tembakau dalam mana-mana program, projek, aktiviti atau apa sahaja hal yang ada kaitan dengan Kerajaan.
- 4.6 Ditegah dari melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan tembakau termasuk mempromosi penjualan tembakau atau produk-produk lain yang ada kaitan dengan tembakau seperti barang promosi (rujuk kepada perkara 10(a)(i), Penggal "B" – Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), A-Kelakuan), walaupun bagi faedah dirinya sendiri atau waris-warisnya yang hampir atau mana-mana badan yang tidak mencari keuntungannya yang dia menjadi seorang yang memegang jawatan di dalamnya.
- 4.7 Ditegah dari bekerja, atau memberikan perakuan bagi mana-mana individu yang ingin bekerja dengan sebarang syarikat yang ada hubungkait dengan industri tembakau, terutamanya bagi agensi Kerajaan serta pegawai dan kakitangan Kerajaan yang mempunyai peranan yang sedia ada atau berpotensi untuk berperanan di masa akan datang, dalam pelaksanaan dasar-dasar kawalan tembakau negara.

5. Tanggungjawab Ketua Jabatan serta Pegawai dan Kakitangan Kerajaan

- 5.1 Memaklumkan kepada pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan masing-masing untuk mengelakkan sebarang interaksi dengan industri tembakau.
- 5.2 Menguatkuasakan larangan merokok di premis-premis Kerajaan, sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 09/1994 dan Perintah Tembakau 2005 – Pemberitahuan Tembakau (Larangan di Tempat-Tempat Tertentu) (Pindaan), 2012.
- 5.3 Memastikan notis-notis larangan merokok menurut undang-undang dipasang secukupnya mengikut ukuran yang bersesuaian di tempat-tempat yang mudah dilihat di premis-premis Kerajaan, sebagaimana yang dinyatakan di bawah Bab 15 Perintah Tembakau 2005.

R.



- 4 -

- 5.4 Menegur mana-mana pegawai, kakitangan, pelawat dan orang awam yang merokok di dalam premis Kerajaan di bawah pengurusannya, supaya memberhentikan kegiatan merokok dengan serta-merta atau jika masih enggan berhenti merokok, menghendaki mereka meninggalkan premis Kerajaan tersebut, sebagaimana yang dinyatakan di bawah Bab 16 Perintah Tembakau 2005.
- 5.5 Pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dikehendaki untuk mengenalpasti sama ada individu, organisasi, badan, kumpulan atau institusi yang berurusan dengannya mempunyai hubungkait atau bersekutu dengan industri tembakau. Jika benar ada hubungkait atau bersekutu dengan industri tembakau, hendaklah diumumkan dengan telus. Pegawai dan kakitangan Kerajaan juga dinasihatkan untuk menghubungi Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan kepastian atau maklumat lanjut mengenai latar-belakang organisasi, badan, kumpulan atau institusi berkenaan dalam hal ini.

6. **Tindakan jika didapati melanggar peraturan-peraturan**

Pegawai dan kakitangan Kerajaan yang didapati melanggar mana-mana peraturan di dalam Surat Keliling ini akan diambil tindakan yang bersesuaian selaras dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan yang bersesuaian mengenainya.

" Memeduli Warga Emas Kewajipan Semua "

(MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (8) JPM/SK/2019
Tarikh : 14 Rabiulawal 1441
11 November 2019